

**KELESTARIAN PENDIDIKAN ANAK KURANG UPAYA: PANDANGAN
DARIPADA PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH MEMELIHARA
AKAL DAN INTELEKTUAL (*HIFZ AQLI*)**Khairul Effendi Hashim^{1*}, Nasharuddin Mohammad¹ & Norakyairee Mohd Raus²¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan*khai.effendihashim@gmail.com (Corresponding Author)DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.6064>**Abstrak****E-JITU**Acceptance date:
12th August 2022Valuation date:
25 September 2022Publication date:
20th October 2022

Pendidikan merupakan tuntutan dalam Islam. Allah SWT telah menjelaskan kepentingan menuntut ilmu dan ketinggian martabat para ilmuwan. Bagi anak-anak kurang upaya, proses ini perlu diberi perhatian agar mereka tidak ketinggalan dalam meniti arus pendidikan masa kini. Peranan ibu bapa dan penjaga sangat diperlukan di samping peranan yang dimainkan oleh kerajaan dan swasta. Maqasid syariah merupakan objektif pensyariaan hukum bertujuan mencapai kemaslahatan untuk kebaikan kepada manusia. Kelestarian ilmu merupakan salah satu konsep dalam Maqasid Syariah bagi mencapai objektif memelihara akal dengan ilmu dan pengetahuan. Kajian ini melihat kepentingan pendidikan anak kurang upaya daripada perspektif Maqasid Syariah (Objektif Syariah) memelihara akal dan intelektual. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan metode analisis kandungan dengan pengumpulan data yang terdiri daripada kitab, buku, dokumen, jurnal dan laman sesawang agensi yang terlibat. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan metode tematik melalui pendekatan induktif bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepentingan pendidikan anak kurang upaya melalui peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, penjaga, kerajaan dan swasta mempunyai kesan langsung kepada objektif syariah (maqasid syariah) memelihara akal dan intelektual. Oleh itu, peranan yang dimainkan mestilah mendapatkan sokongan dan bantuan yang berterusan bagi memastikan konsep memelihara akal dan intelektual anak kurang upaya terjamin. Sangat disarankan agar pendidikan anak kurang upaya diberi perhatian yang lebih mendalam oleh ibu bapa dan penjaga ditambah dengan peranan kerajaan dan swasta bagi memelihara kebajikan anak-anak kurang upaya dalam perkara yang melibatkan pendidikan dan keilmuan selaras dengan objektif syarak untuk memelihara intelektual manusia.

Kata kunci: Pendidikan, Kelestarian Ilmu, OKU, Maqasid Syariah.

**SUSTAINABILITY OF THE EDUCATION OF CHILDREN WITH
DISABILITIES: A VIEW FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID
SHARIAH PRESERVING INTELLECTUALITY (HIFZ AQLI)**

Abstract

Education is a demand in Islam. Allah SWT has explained the importance of seeking knowledge and the height of dignity for scientists. For children with disabilities, this process needs to be given attention so that they don't fall behind in following the current education trend. The role of parents and guardians is essential in addition to the role played by the government and the private sector. Maqasid syariah is the objective of legal shari'ah aimed at achieving benefits for human welfare. The sustainability of knowledge is one of the concepts in Maqasid Syariah to achieve the objective of preserving reason with science and knowledge. This study looks at the importance of the education of children with disabilities from the perspective of Maqasid Syariah (Shariah Objectives) to preserve reason and intellect. This study is qualitative in nature and uses content analysis methods with data collection consisting of books, documents, journals, and websites of the agencies involved. The data obtained were analyzed using the thematic method through an inductive approach to achieve the objectives of the study. The findings of the study show that the importance of the education of children with disabilities through the role played by parents, guardians, the government, and the private sector have a direct impact on the objective of sharia (maqasid sharia) preserving reason and intellect. Therefore, the role players must be to get continuous support and help to ensure that the concept of preserving the intellect and intellect of these disabled children is guaranteed. It is highly recommended that the education of children with disabilities be given deeper attention by parents and guardians coupled with the role of the government and the private sector to look after and preserve the welfare of children with disabilities in matters involving education and knowledge in line with the objective of Shariah to preserve human intellect.

Keywords: Education, Knowledge, OKU, Maqasid Shariah, Preserving Intellect

PENGENALAN

Islam mementingkan ilmu dan pengetahuan dengan memuliakan sarjana dan ilmuan dengan mengangkat darjat dan kedudukan mereka seperti firman Allah SWT di dalam al-Quran Surah al-Mujadalah:11 dan hadis Nabi SAW tentang kelebihan menuntut ilmu dalam Riwayat Muslim: 4867 (Muslim, 1955). Sistem Pendidikan di Malaysia telah bermula secara tersusun dan sistematik sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 berdasarkan Laporan Razak 1956 yang memfokuskan persediaan sistem Pendidikan Kebangsaan yang akan dilaksanakan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (Ahmad & Abdullah, 2010). Sistem pendidikan negara telah memberi peluang kepada setiap lapisan rakyat mendapat pendidikan yang sempurna tidak mengira kaum dan agama (suhid et al., 2015.) Sistem pendidikan di Malaysia bermula seawal umur enam tahun sehingga ke peringkat universiti. Ia telah diatur dan disusun kemas supaya

setiap warganegara mendapat pendidikan yang secukupnya termasuk anak-anak kurang upaya atau pun anak-anak istimewa (KPWKM, 2021).

Ibu bapa yang mempunyai anak-anak kurang upaya mestilah peka dan prihatin terhadap setiap kemudahan yang diberikan oleh kerajaan termasuk daripada badan-badan kebajikan dan pihak swasta. Mereka berhak untuk mendapatkan pendidikan tanpa ada diskriminasi disebabkan oleh kekurangan yang dimiliki. Semua murid berkeperluan pendidikan Khas (MBK) berpeluang untuk menerima akses pendidikan yang relevan dan sesuai (KPM, 2021). Kepentingan pendidikan anak-anak kurang upaya tidak diabaikan malah diberi hak dan keistimewaan yang sewajarnya oleh kerajaan seperti yang termaktub di dalam Akta OKU 2008 (KPWKM, 2021). Pemeliharaan akal merupakan salah satu objektif Syariah bagi mencapai kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat (Al-Shatibi, 2004).

Proses pembelajaran dan pendidikan merupakan salah satu elemen penting untuk penyaluran ilmu dan pengetahuan kepada anak-anak kurang upaya. Kedudukan Maqasid Syariah sebagai lambang kesyumulan Islam membuktikan bahawa kelestarian ilmu tidak meminggirkan golongan anak-anak kurang upaya walaupun terdapat kekurangan pada mereka dari segi fizikal dan juga tahap kecerdasan minda berbanding anak-anak yang lain. Hak pendidikan anak kurang upaya terus terpelihara melalui undang-undang dan perlembagaan negara dan ia membuktikan kedudukan kepentingan ilmu terus terpelihara (JKM, 2021). Kepentingan ilmu merupakan perkara *Daruriyat* yang terkandung dalam prinsip Maqasid Syariah yang bertunjangkan objektif menjaga kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan (Ibnu Ashur, 2001).

KAJIAN LITERATUR

Pendidikan Anak Kurang Upaya

Orang Kurang Upaya atau OKU ialah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera apabila berhadapan dengan pelbagai halangan seperti tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (JKM, 2021). Mereka yang tergolong dalam orang kurang upaya mempunyai beberapa peringkat dan kategori tertentu. Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai keistimewaan dan hak yang dilindungi oleh undang-undang. Mereka berhak menjalani kehidupan seperti rakyat Malaysia yang lain tanpa ada diskriminasi daripada mana-mana pihak. Kebajikan orang kurang upaya terus diberi perhatian oleh pihak kerajaan termasuk perkara yang melibatkan pendidikan. Menurut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai hampir 593 ribu orang OKU telah mendaftar sehingga 31 Januari 2021 di seluruh negara (JKM, 2021).

Dasar OKU telah diwujudkan dan pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menetapkan empat objektif utama antaranya ialah memberi pengiktirafan serta penerimaan bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama dalam masyarakat termasuk pendidikan (JKM, 2021). Anak OKU juga diberi keutamaan dalam perkembangan, kemajuan dan pemerkasaan mereka. Pendidikan untuk OKU bermula sejak mereka masih kecil sehingga ke peringkat tinggi. Pendidikan anak kurang upaya

telah diberikan perhatian yang khusus melalui pengajaran dan pembelajaran yang memberi tumpuan kepada mereka (KPM, 2021). Bagi ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak kurang upaya, peranan mereka sangat besar bagi memastikan anak mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya. Ibu bapa dan penjaga mestilah peka terhadap perkembangan semasa yang berkaitan seperti mendaftarkan mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (Ariffin & Abdullah, 2020). Kepekaan ibu bapa dan penjaga termasuklah mengenal pasti status anak, kerana terdapat penyakit yang boleh diklasifikasikan sebagai OKU seperti sindrom down, autisme, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan dyslexia. Terdapat faktor kurang kesedaran dan kefahaman menjadi punca kepada kelewatan ibu bapa atau penjaga mendaftarkan anak-anak mereka dengan JKM dalam masa yang sama tidak mendapat kad OKU dan beberapa bantuan yang boleh disalurkan oleh pihak kerajaan turut tidak dapat dinikmati (Ariffin & Abdullah, 2020).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membahagikan kategori Orang Kurang Upaya atau OKU kepada tujuh kategori yang boleh didaftarkan dengan Jabatan tersebut. Tujuh kategori ini akan dikenalpasti oleh pihak JKM bagi membolehkan pihak jabatan membuat tindakan yang sewajarnya (JKM, 2021). Melalui JKM, terdapat banyak kemudahan dan keistimewaan yang boleh dinikmati oleh OKU yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun (JKM, 2021). Setiap kanak-kanak termasuk OKU diberi hak dan perlindungan oleh kerajaan. Melalui Akta OKU 2008, telah termaktub bahawa golongan OKU mempunyai akses kepada pendidikan dan tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan seperti prasekolah, rendah, menengah dan tinggi (KPWKM, 2021). Ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak kurang upaya sudah pasti mempunyai cabaran yang lebih kompleks dari segi menjaga, mendidik dan mengasuh.

Ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Sharif & Jamil (2019), menunjukkan bahawa tekanan yang dialami oleh ibu bapa dalam mengasuh dan mendidik kanak-kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD) adalah lebih hebat mencabar. Kanak-kanak tersebut memerlukan rawatan dan ibu bapa juga memerlukan sokongan profesional dari segi emosi dan psikologi. Kajian yang dibuat oleh Takom et al. (2016), menunjukkan ibu bapa dalam kepada anak-anak kurang upaya fizikal terutama di luar bandar menghidap Mixed Anxiety Depression (MAD). Antara faktor MAD ialah tekanan hidup, masalah kesihatan anak dan juga sokongan profesional.

Pendidikan anak OKU telah diperkasa apabila kerajaan memperkenalkan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) melalui program khas integrasi disediakan untuk murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan (Bandu et al., 2012). Melalui RPI ini, keperluan pelajar pendidikan khas menerima pendidikan akan dapat dipastikan. Menurut kajian ini lagi, bagi menampakkan keberkesanan RPI, guru-guru yang berkemahiran dan mempunyai latihan yang cukup sangat diperlukan. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah merangka suatu rancangan yang sempurna dan praktikal bagi keperluan anak-anak pendidikan khas supaya dapat dimanfaatkan oleh pelajar di sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia (KPM, 2021). Pendidikan yang berterusan telah memberi sinar baru kepada anak-anak autisme apabila pusat stimulasi dan intervensi awal yang dikendalikan oleh

Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) diwujudkan. Latihan awal dan secara berterusan adalah diperlukan untuk melengkapkan kanak-kanak autisme dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja kelak (Rasit, 2011).

Pendekatan pendidikan seni visual kepada OKU menunjukkan tingkahlaku dan tindakbalas yang memberangsangkan seperti kajian yang dilakukan oleh Ramli et al. (2019), yang menunjukkan bahawa faktor kritikan dan penerimaan terhadap pengajaran ilmiah melalui aktiviti seni visual berupaya menonjolkan bakat artistik peserta dari golongan OKU. Pendidikan OKU terus diperkasa apabila Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di bawah Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah memperluaskan akses OKU untuk mempelajari al-Quran di samping melihat keperluan OKU dari segi tuntutan beragama (Razuan et al., 2019). USIM menawarkan beberapa kursus dan pembelajaran kepada golongan OKU seperti kursus berkaitan aplikasi Braille dalam pengajian Quran dan Sunnah dan kursus dakwah tanpa suara di samping penyelidikan dan penerbitan berkaitan OKU turut ditawarkan (USIM, 2021). Pembelajaran dan pendidikan Islam kepada golongan OKU adalah suatu tuntutan termasuk dalam pembangunan modal insan termasuk perkara spiritual dan kerohanian (Dzulkifli & Suhid, 2018).

Pembangunan modal insan yang dimaksudkan termasuk perkara yang melibatkan jasmani, rohani, emosi dan intelek. Tadbir urus pendidikan Islam yang mantap dan berkesan akan mengambil kira perkara yang melibatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif. Penyelidikan dan pembangunan OKU juga mesti diberi perhatian agar golongan ini terus diperkasa dari sudut pendidikan dan mendapat tempat di kalangan masyarakat dan dapat meneruskan kehidupan seperti insan lain. Ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan murid yang baik dari aspek sahsiah dan cemerlang akademik. Ia merupakan salah satu keutamaan dalam dasar TN50 bagi mewujudkan generasi yang berkemahiran tinggi untuk mengisi keperluan negara (Nor & Rashed, 2018). Melalui Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang dirangka oleh kerajaan, antara teras strategik ialah meningkatkan akses OKU kepada pendidikan (KPWK, 2016).

Menjaga Akal dan Intelektual (*Hifz Aqli*)

Para sarjana Islam kontempori seperti Bakar (2022), menyatakan bahawa maqasid syariah dilihat dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh supaya dapat menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Maqasid syariah memelihara akal dan intelektual perlu dilihat secara global supaya tiad a yang tertinggal dalam meniti kehidupan di dunia ini. Melalui pendidikan, manusia akan dapat kedudukan yang tinggi dari segi ketajaman intelektual dan pemikiran seterusnya dapat memberi pulangan dari segi sosio ekonomi kepada diri dan orang sekeliling. Kedudukan kesarjanaan tidak dapat dinafikan dalam Islam berdasarkan ayat al-Quran telah jelas menyatakan perbandingan di antara mereka yang berilmu dan yang jahil seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Zumar: 9.

Pendidikan kepada manusia tidak terbatas kepada golongan tertentu, malahan ia meliputi semua lapisan tidak mengira latar belakang dan kedudukan sosial. Akal yang sempurna

dapat dibentuk dengan melalui proses pendidikan dan pembelajaran secara holistik yang meliputi aspek mental, fizikal dan spiritual (Rashid et al., 2019). *Hifz al-Aqli* atau pun memelihara akal telah mengangkat martabat manusia sebagai *khalifah* di muka bumi ini seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 30. Memelihara akal (*Hifz Al-Aqli*) dalam Maqasid Syariah bermaksud mencari ruang dan peluang dengan menimba ilmu pengetahuan serta melindunginya daripada perkara yang merosakkan. Terdapat pelbagai jalan dan cara untuk manusia mencapai kecemerlangan dalam intelektual. Islam tidak melarang umatnya untuk mencari jalan bagi meningkatkan pengetahuan dengan merangka dan mencari jalan supaya dapat mencapai objektif sesuatu perkara asalkan ia tidak bertentangan syarak. Seperti sabda Nabi SAW menyatakan kepada sahabat Baginda SAW tentang mereka lebih mengetahui urusan dunia mereka (Muslim, 1955).

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode kajian kepustakaan bagi mengumpul data terdiri daripada kitab, buku, dokumen, jurnal dan laman sesawang agensi serta pihak yang terlibat. Data-data yang dikumpul dianalisa melalui pendekatan analisis kandungan dengan membuat kod dan tema. Analisa dibuat secara deskriptif dengan menjelaskan makna dan konsep maqasid syariah serta hubungkait dengan kepentingan pendidikan anak kurang upaya bagi mencapai objektif syariah iaitu memelihara akal dan intelektual manusia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Maqasid Syariah Makna dan Konsep

Maqasid dan Syariah ialah dua perkataan yang mempunyai makna tersendiri dan berkait di antara satu dengan yang lain. Maqasid bermaksud tujuan atau pun objektif (Al-Maany, 2021), manakala Syariah ialah manhaj agama terkandung di dalamnya hukum berkaitan akidah, ibadah dan muamalat (Al-Kattan, 2001; Al-Qurtubi, 1964). Maka, para sarjana Islam telah memberikan beberapa takrifan kepada Maqasid Syariah seperti yang diungkapkan oleh Ibnu Ashur (2001), Maqasid Syariah ialah terdiri daripada makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh hukum syarak. Manakala Al-Raysuni (1992), menyatakan Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia.

Konsep Maqasid Syariah telah direalisasikan melalui pentakrifan yang diberikan oleh para sarjana Islam yang menjurus kepada memperolehi kemaslahatan dan kebaikan untuk manusia serta menolak berlaku kemudaratan (Al-Shatibi, 2004) dan konsep ini telah wujud sejak awal penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW (Sahid et al., 2018).

Firman Allah SWT:

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (Al-Anbiya': 107).

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengutuskan nabi Muhammad SAW adalah sebagai Nabi dan Rasul yang membawa rahmat keseluruh alam dengan ajarannya dapat membawa kebaikan kepada seluruh manusia (Al-Qurtubi, 1964). Pembahagian Maqasid Syariah kepada lima bahagian utama telah dipelopori oleh al-Ghazali yang disebut sebagai *al-Dharuriyyat al-Khamsah* atau pun lima prinsip utama dalam Maqasid Syariah (Muhammad, 1997). Lima prinsip utama ini ialah Pertama; (1) Memelihara Agama, kedua; (2) Memelihara Nyawa, ketiga; (3) Memelihara Akal, keempat: (4) Memelihara Keturunan, dan kelima; (5) Memelihara Harta.

Kepentingan Pendidikan Anak Kurang Upaya

Islam amat mementingkan ilmu dan pengetahuan kepada setiap umatnya. Kepentingan menuntut ilmu telah digariskan oleh syarak berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadis. Umat Islam dituntut supaya menjadi seorang yang berilmu dan intelektual dalam segala bidang bagi memakmurkan bumi Allah SWT. Keseimbangan ilmu dunia dan akhirat akan membawa kepada objektif penciptaan manusia dan mengangkat kedudukan manusia sebagai *khalifah* (pentadbir) di bumi ini. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang telah dirangka oleh kerajaan, pendidikan bermula dari pra sekolah hingga menengah memberikan peluang setiap individu untuk mendapatkan pendidikan yang secukupnya (KPM, 2021).

Kerajaan telah merangka pelan pembangunan pendidikan mencakupi semua golongan termasuk anak-anak kurang upaya atau pun OKU. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya sekolah pendidikan khas yang menyasarkan Murid-murid Berkeperluan Khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan (KPM, 2021). Sebanyak 34 sekolah pendidikan khas seluruh negara yang boleh memberi peluang kepada Murid-murid Berkeperluan Khas (MBK) mendapatkan pendidikan yang sempurna. Di samping itu, kerajaan telah mewujudkan program j-Qaf bagi murid-murid MBK bertujuan untuk memperkasakan Pendidikan Islam bagi anak-anak ini.


Bagi melengkapkan lagi keperluan anak-anak OKU, pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melihat keperluan khas anak-anak OKU ini secara spesifik. Bantuan dan khidmat kaunseling melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah berupaya memperkasakan kedudukan dan kehendak anak-anak OKU ini berada ditahap yang sewajarnya (JKM, 2021; KPWKM, 2021). Peranan ini tidak terhenti kepada pihak kerajaan malah terdapat kerjasama di antara Universiti dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan penting bagi menjaga kepentingan anak-anak kurang upaya ini seperti yang dilakukan oleh USIM dan Yayasan Faqeh (USIM, 2021). Ia merupakan usaha murni yang dilakukan bagi kesinambungan pendidikan anak-anak OKU dari pelbagai bidang dan dapat mengikuti pendidikan arus perdana pada hari ini.

Maqasid Syariah Sebagai Mekanisma Mencapai Objektif Kelestarian Ilmu dan Pendidikan Anak Kurang Upaya

Ilmu sebagai senjata yang paling ampuh untuk individu berupaya mengharugi kehidupan di dunia untuk mendapat ganjaran di akhirat. Syariat sebagai panduan hidup manusia

mencakupi semua bidang kehidupan mempunyai objektif dan matlamat tertentu yang mesti dicapai. Pensyariatan hukum yang terkandung dalam Islam dapat menjadikan kehidupan manusia mempunyai panduan dan arah tuju yang jelas bagi mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Implikasi ilmu dan pendidikan bukan hanya dapat diterjemahkan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang keilmuan, malah dapat dibuktikan dengan beberapa dapatan seperti berfikiran kreatif, boleh berdikari, mahir di dalam penggunaan teknologi serta kemahiran terkini. Kesyumulan Islam dapat dilihat dengan melahirkan insan yang berilmu walaupun terdapat kekurangan dari segi fizikal atau pun mental. Konsep Maqasid Syariah melalui prinsip memelihara akal (*hifz al-aqli*) secara langsung telah menyubur, menyemarak dan memperkembangan aktivi pembelajaran dan pendidikan tanpa ada diskriminasi terhadap golongan ini.



Rajah 1: Ringkasan Hubungan Kelestarian Pendidikan Anak Kurang Upaya: Pandangan daripada Perspektif Maqasid Syariah Memelihara Akal dan Intelektual (*Hifz Aqli*).

KESIMPULAN

Pendidikan anak-anak kurang upaya merupakan antara perkara penting dalam menjaga hak dan kepentingan golongan ini. Kepentingan menjaga dan memelihara serta tidak mengabaikan peranana dan tanggungjawab semua pihak adalah selari dengan dengan gagasan Maqasid Syariah dalam menjaga kepentingan pendidikan bagi membentuk insan yang berjaya dunia dan akhirat. akhirat. Peranan yang dimainkan oleh kerajaan dengan

mewujudkan silibus dalam pengajaran dan pembelajaran bagi OKU sangat memberi manfaat kepada golongan ini. Ia menunjukkan komitmen kerajaan kepada pendidikan anak kurang upaya dan membuktikan bahawa mereka tidak dipinggirkan. Namun begitu terdapat ruang yang perlu dibaiki dan tambahbaik untuk kebaikan mereka dari semua pihak termasuk kerajaan, swasta, badan-badan kebajikan dan NGO, malah termasuk ibu-bapa dan penjaga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan anak kurang upaya bertepatan dengan memelihara akal dan inetelektual termasuk dalam konsep Maqasid Syariah *Hifz Aqli* bertujuan bagi mencapai objektif kelestarian ilmu dan pendidikan kepada manusia tanpa ada diskriminasi. Sangat disarankan agar pendidikan anak-anak kurang upaya diberi perhatian yang berterusan daripada semua pihak bagi menjaga dan memelihara kebajikan golongan ini dalam perkara yang melibatkan kelestarian pendidikan dan ilmu.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas sokongan yang diberikan serta kebenaran menggunakan kemudahan sedia ada bagi menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

- Ahmad, A., & Abdullah, N. A. T. (2010). *Sejarah dan dasar pendidikan asas di Malaysia: Implimentasi Kurikulum 3R*. Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Kattan, M. B. K. (2001). *Tarikh tasyri' Islami* (5th ed.). Maktabah Wahbah.
- Al-Maany. (2021). *Al-Maany Dictionary*. <https://www.almaany.com>
- Al-Qurtubi. (1964). *Tafsir al-Qurtubi* (A. Al-Barduni, Ed.; 2nd ed.). Daru al-Kutub Misriyah.
- Al-Raysuni, A. (1992). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi* (2nd ed.). The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Shatibi. (2004). *Al-Muwafaqat fi usul al-shari'ah* (1st ed.). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. <https://www.al-ilmiyah.com>
- Ariffin, M. S., & Abdullah, F. (2020). Cabaran dalam penjagaan orang kurang upaya daripada perspektif kerja sosial perubatan. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 96–115.
- Bakar, M. D. (2021). *Maqasid al-Shariah: The face and voice of Shariah*. Amanie Media Sdn. Bhd.
- Bandu, S. H. B., Jelas, Z. M., Yasin, M. H. M., & Tahar, M. M. (2012, January). Cabaran penyediaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) di Sekolah Pendidikan Khas Integrasi. *Seminar Internasional Pelajar Pasca Siswazah Pendidikan Khas*, 1–14.
- Dzulkifli, I., & Suhid, A. (2018). Pendidikan Islam pemangkin modal insan OKU Muslim. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 37–45. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.17>
- Hj Nor, S. M., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke-21.

- Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(1), 1–8.
<https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no1.10>
- Ibnu Ashur, M. T. (2001). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah* (M. T. Al-Maysawi, Ed.; 2nd ed.). Dar al-Nafa'is.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). <https://www.jkm.gov.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). <https://www.moe.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2021). <https://www.kpwkm.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). *Pelan tindakan OKU 2016–2022*. <https://www.kpwkm.gov.my>
- Muhammad, A.-G. (1997). *Al-Mustafa min 'ilm al-usul* (1st ed.). Al-Resalah Publishing House.
- Muslim, I. (1955). *Sahih Muslim* (T. M. F. A. Baqi, Ed.). Dar Ihya' Kutub al-'Arabiyyah.
- Ramli, M. F., Zali, A. A., Hussin, R., & Basiron, N. (2019). Pendekatan pendidikan seni visual terhadap terapi kognitif terhadap orang kurang upaya. *International Conference on Design Industries & Creative Culture*, 113–123.
- Rashid, Z. A. N., Mazri, N. M., Sawari, M. F. M., & Laksamana, N. N. M. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia: Pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 81–90.
- Rasit, N. A. B. M. (2011). *Harapan ibu bapa terhadap pendidikan, pekerjaan dan pengurusan kehidupan anak autisme* [Unpublished undergraduate thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2, Special Issue), 78–98.
- Sahid, M. M., Mamat, Z. F., Mokhtar, A. W., & Nagasi, M. I. (2018). *Muzakirah fi Maqasid Syariah* (2nd ed.). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sharif, M. H. M., & Jamil, N. A. (2019). Cabaran ibu bapa bersama kanak-kanak kecelaruan spektrum autisme (ASD): Tinjauan literatur. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 33–43.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Sabri, S. M., & Mohammad, A. E. (2015). Pendidikan untuk semua: Amalannya dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–7.
- Takom, L. A., Bahari, F. H., & Naw, N. H. M. (2016). Campuran kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya fizikal di luar bandar Sabah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 61–73.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2021). <https://www.usim.edu.my>